

# Terlepas hukuman gantung

Keterangan saksi bercanggah, pelajar  
Nigeria dibebaskan tuduhan edar kanabis

>>Oleh Nor Azura Abdul Jalil  
zura@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Seorang pelajar kolej warga Nigeria terlepas daripada hukuman gantung sampai mati selepas Mahkamah Tinggi di sini, semalam melepas dan membebaskannya daripada tuduhan mengedar dadah kanabis seberat lima kilogram, dua tahun lalu.

Hakim Datuk Su Geok Yiam memutuskan demikian terhadap Odemokpa Cornelius, 21, selepas pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes yang dikenakan terhadap Odemakpa.

Tertuduh adalah pelajar jurusan bahasa Inggeris dan pelancongan.

Mengikuti pertuduhan, Odemokpa didakwa melakukan kesalahan itu di pondok polis Berjaya Times Square No 1, Jalan Imbi, di sini, jam 5 petang pada 21 Ogos 2010.

Dia didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 39B(2) akta sama yang membawa hukuman mati jika sabit

kesalahan.

Terdahulu, dalam penghakimannya Su berkata, pembelaan tertuduh mendakwa kedua-dua buah beg yang disyaki berisi dadah bukan kepunyaannya, selain tidak pernah melihat dan tidak tahu langsung mengenai isi kandungan beg berkenaan.

Tambah Su, tertuduh berkata, dia pertama kali nampak beg itu ketika ditunjukkan polis di dalam pondok polis di hadapan bangunan pusat membeli-belah Berjaya Times Square.

"Saya bandingkan keterangan tertuduh dengan saksi pendakwaan iaitu polis yang merampas beg, terdapat percanggahan pada keterangan beberapa orang saksi polis," katanya.

Mahkamah kemudian memutuskan tertuduh dibawa anggota polis ke Jabatan Imigresen untuk diberikan pas sementara sehingga pas pelajar tertuduh yang tamat tempoh diperbaharui semula.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya, P Vigneswaran mengemukakan lapan saksi manakala tertuduh diwakili Datuk Jerald Gomez mengemukakan tujuh saksi.